

03/03/2003

Tindakan Amerika macam pembuli

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat adalah pembuli di pentas dunia dengan pelbagai tindakan yang kurang menyenangkan termasuk mengenakan sekatan di

di merata tempat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah kata Perdana Menteri, tindakannya untuk menyerang Iraq membimbangkan kerana ramai rakyat yang tidak berdosa mungkin menderita, malah sudah cukup sengsara atau mati disebabkan sekatan didalangi Washington sebelum ini.

"Amerika mendesak dikenakan sekatan di merata tempat. Amerika mendesak orang lain mengubah sistem mereka, mereka harus mengamalkan demokrasi. Malah kadang-kala Amerika tidak menghiraukan kesucian sempadan.

"Semua ini, sudah tentu menyebabkan seluruh dunia berasa sangat tidak selesa," katanya dalam temu ramah yang disiarkan Reader's Digest, majalah

bulanan yang diterbitkan di Hong Kong dalam keluaran terbaru bagi Mac 2003.

Dr Mahathir berkata, jika Saddam Hussein mempunyai semua senjata pemusnah, tindakan ketenteraan mungkin dilakukan.

Tetapi katanya, apa yang lebih membimbangkan mengenai tindakan itu ialah

kemungkinan ramai rakyat yang tidak berdosa akan menerima akibatnya selepas rakyat Iraq selama ini sudah menderita kerana tindakan sekatan.

"Adalah benar Saddam mungkin pemimpin yang sangat kejam. Tetapi banyak lagi rakyat yang terbunuh kerana menjadi mangsa sekatan," katanya.

Beliau berkata pertukaran rejim di Iraq seperti dikehendaki oleh Amerika Syarikat, tidak akan menyelesaikan masalah itu, seperti terbukti berlaku di tempat lain.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya apa yang berlaku ialah kekeliruan iaitu rakyat tidak tahu apa yang harus dilakukan apabila seseorang datang dan mengambilalih kepemimpinan.

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau tidak menjangka akan berlaku serangan pengganas di Malaysia walaupun laporan mengaitkan pengebom di Bali dan mereka yang terbabit dalam peristiwa 11 September, mempunyai rangkaian dengan kumpulan di negara ini.

"Tidak mungkin. Kita tahu siapa dan di mana mereka berada. Malah kita tahu jika mereka keluar dari negara ini. Kita mengawasi mereka," katanya.

Katanya, kumpulan yang terbabit dalam kegiatan keganasan adalah mereka yang sesat walaupun mereka orang Islam, dan memikirkan mereka boleh menyelesaikan masalah menerusi tindakan ganas.

Beliau berkata, apa yang mereka lakukan adalah cuma menjejaskan negara seperti Malaysia dan Indonesia, dan kini pelawat dinasihatkan supaya tidak

datang ke Malaysia sedangkan pengganas tidak melakukan sebarang gangguan kepada negara seperti Australia.

Dr Mahathir juga menolak dakwaan kononnya menyekat kebebasan dan

mensasarkan tindakan kepada parti pembangkang sebagai langkah terbaru antipengganas di negara ini.

Katanya, jika kerajaan mahu menekan pembangkang, ia boleh menangkap semua ahli parti pembangkang tetapi pemimpin mereka masih bebas dan membuat pelbagai kenyataan di merata tempatan.